



Anak cakap kasar

ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnta@baharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Anak lelaki 11 tahun cemerlang akademik, tetapi baran



? Dr Mastura, saya ibu bekerja beranak tiga, berusia antara 11 hingga 3 tahun. Anak lelaki saya berusia 11 tahun. Saya boleh katakan anak saya seorang kanak-kanak yang pintar kerana selalu cemerlang dalam kelas. Baru-baru ini, saya amat terkejut apabila mendengar dia memarahi adiknya yang berusia 9 tahun dengan perkataan yang tidak sedap didengar. Saya menegur perbuatannya itu dengan baik. Dia faham, tetapi akan mengulangi perkataan itu apabila marah. Apa yang patut saya lakukan lagi? Adakah itu normal? Ibu bingung. KL

Bersama Dr Mastura Badzis

SEBAGAI ibu yang mempunyai tiga anak pada tiga peringkat usia berbeza antara 11 hingga 3 tahun memang ada cabaran. Ibn Sina, seorang ilmuan Islam yang tersohor dalam bidang perubatan dan pendidikan ada mengingatkan: "Suatu yang amat perlu dan kritikal bagi pengasuh atau pendidik, sebelum menilai kelakuan seseorang kanak-kanak atau remaja, perlulah terlebih dulu memahami ciri-ciri semula jadinya. Pernyataan Prof Dr Abu Hamid Sulayman, mantan Rektor UIAM dalam bukunya *Crisis in Muslim Mind* turut mengemukakan pentingnya pemahaman berhubung perkembangan kanak-kanak melalui kata-katanya yang antara lain

menegaskan ibu bapa seharusnya bimbang atau prihatin mengenai perkembangan mental dan emosi anak. Ibu bapa juga seharusnya mengkaji cara mendekati mereka yang berbeza daripada kaedah digunakan bagi mendidik golongan dewasa. Justeru, dalam memahami situasi anak puan yang berusia 11 tahun itu, ingin saya perelaskan, usia berkenaan adalah dalam lingkungan kategori peringkat pertengahan kanak-kanak (*middle childhood*) dan sedang memasuki peringkat awal remaja. Kanak-kanak dalam usia ini sudah boleh memahami sahsiah dan perwatakan diri sendiri dan sering membandingkan kekuatan atau kelemahan yang ada pada diri mereka dengan apa yang dilihatnya pada rakan sebaya ataupun adik beradiknya yang dalam lingkungan umur atau peringkat yang sama. Transformasi pemahaman lebih mendalam mengenai keupayaan atau kelemahan sendiri ini (berbanding di peringkat awal kanak-kanak), memberikan impak besar terhadap tahap keyakinannya kepada keupayaan diri sendiri dan peningkatan harga diri. Bila sesuatu perubahan tingkah laku ditunjukkan, perkara utama yang perlu puan lakukan ialah mengenal pasti punca dan sebab kenapa anak puan berkelakuan demikian. Melihat kepada ciri-ciri semula jadi di usia ini, mereka banyak memberikan tumpuan kepada menguji kemampuan diri sendiri dan sering mencuba untuk memenuhi cabaran; ini menjadikan mereka cepat marah atau melenting bila ada sesuatu yang menyebabkan dirinya terasa malu. Dalam erti kata

lain, biasanya kanak-kanak pada peringkat ini berusaha menyembunyikan kelemahan yang ada ada pada diri dari diketahui atau dilihat oleh orang lain. Mereka mempunyai perasaan 'tak mahu orang lain tahu yang dia pun biasa buat salah' atau ada kelemahan. Bagi menangani masalah ini puan perlu cuba memahami pergolakan emosi dan punca masalah yang mungkin sedang dihadapinya. Kadangkala ia mungkin berpunca daripada perkara yang kita sebagai ibu bapa menganggapnya remeh, tetapi besar baginya. Sebagai contohnya kita mungkin sering memuji adik di depannya dan tidak menyebut kebaikannya. Di samping itu, anak-anak pada usia ini masih mahu dibelai, disayang tetapi tidak mahu pelukan atau ciuman itu dilihat orang! Apatah lagi di hadapan rakan sebaya. Jika di rumah puan berikan pelukan dan belaian pada si adik, mereka juga sebenarnya masih mahukannya cuma mereka malu untuk menyatakannya. Mereka mungkin bimbang jika dikatakan mengada-ngada dan sebagainya. Mereka mencuba untuk 'tidak terikat' kepada ibu bapa atau dalam erti kata lain tidak mahu bergantung kepada ibu bapa dalam menangani sesuatu, tetapi pada waktu yang sama hakikatnya dia amat memerlukan sokongan emosi dan moral. Mereka memerlukan seseorang untuk membantu mereka mengenal pasti perasaan marah yang menguasai diri, dan menenangkannya sebelum semuanya menjadi tidak terkawal. Mereka perlu sokongan untuk mengikis perasaan takut atau kurang keyakinan diri untuk

melakukan sesuatu atau mencuba bakat serta potensi yang ada pada diri mereka. Mereka juga perlu dibimbing untuk menyelesaikan masalah. Berikan dan curahkanlah anak puan kasih sayang tanpa syarat. Anak puan perlu ditunjukkan kasih sayang atau perhatian, bukan semata-mata hanya kerana tingkah lakunya yang baik atau pencapaiannya yang cemerlang. Dari aspek lain, ibu bapa perlu memahami bahawa perkembangan seseorang kanak-kanak perlu digarap secara holistik dan menyeluruh. Meskipun kanak-kanak itu dilihat sebagai seorang yang pintar dan selalu cemerlang dalam kelas, kelebihan itu mungkin ukuran dari segi akademik. Kecerdasan akademik bukan garis ukur kecerdasan rohani, emosi, sosial dan fizikal. Setiap anak berbeza antara seorang dengan yang lain bagi setiap aspek perkembangannya. Kanak-kanak yang dilihat lemah dari segi ukuran akademiknya, kekuatannya mungkin terseliah dari aspek sosial atau keupayaan mengawal emosi atau daya kreatifitinya yang tinggi, sebagai contoh. Setiap kanak-kanak mempunyai kelebihannya yang tersendiri namun setiap diri mereka juga ada kelemahan. Ibu bapa perlu memahami hakikat ini.

